

BAB DUA

ULASAN KAJIAN

Tan Ai Mei, dalam, *Malaysia Private Higher Education*, 2002 mengkaji mengenai evolusi Institusi pengajian swasta di Malaysia. Kajian Tan merangkumi penganalisaan kesan liberalisasi pendidikan tinggi di Malaysia terhadap IPTS. Dari segi kaedah-kaedah penawaran program yang dikenalpasti dalam kajian Lee (1996) dan Tan (2002) adalah sama seperti dalam kajian ini. Namun begitu kajian ini berbeza dengan kajian Lee dan Tan membuat perbandingan antara kaedah penawaran program dengan memberi tumpuan khas kepada aspek kualiti. Tan turut membincangkan beberapa aspek kualiti program dari segi pengalaman pelajar di IPTS, berbeza dengan kajian ini yang membincangkan maklumbalas kualiti oleh IPTS terhadap penguatkuasaan Akta Lembaga Akreditasi Negara. Tan terutamanya memberi gambaran menyeluruh mengenai perkembangan IPTS dari segi pemilihan IPTS kesan dari penggubalan Akta Pendidikan 1996. Analisa beliau turut membandingkan tempoh sebelum dan selepas penggubalan Akta Pendidikan Tinggi 1996.

¹ Kertas Persidangan, Molly N.N.Lee (1996), *Private Higher Education in Malaysia: An Overview*, menjelaskan kaedah-kaedah dan kursus-kursus yang ditawarkan Institut Pengajian Tinggi Swasta serta hubungannya dengan universiti dan badan ikhtisas antarabangsa. Beliau turut mengutarakan beberapa isu yang berbangkit hasil daripada Akta Pendidikan Tinggi secara umum.

Sememangnya terdapat banyak kajian yang membincangkan berkenaan aspek kualiti pendidikan di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Sebahagian besar daripada analisa kualiti pendidikan tersebut memberi penekanan terhadap analisa berbentuk kuantitatif (lihat Ashworth dan Harvey, 1994; Yin dan Wai, 1997). Ashworth dan Harvey (1994), dalam *Assessing Quality in Further and Higher Education*, membincangkan pelbagai teori dan kaedah dalam menilai kualiti pendidikan di IPT. Tenaga pengajar, kemudahan infrastruktur, pembangunan kakitangan (staff development), sumber pendidikan, serta maklumbalas pelajar dan organisasi IPT secara umum diambilkira sebagai petanda (indicator) kualiti dalam penulisan mereka.

Seperti dalam kajian Ashworth dan Harvey, Lembaga Akreditasi Negara (LAN) mengutamakan tiga aspek dalam meluluskan dan mengakreditasikan kursus yang dikendalikan. Ianya termasuk tenaga pengajar, kemudahan infrastruktur dan sumber pengajaran dan pembelajaran. Kedua-dua penulis ini turut menjelaskan akan kepentingan kualiti tenaga pengajar, di mana penekanan diberi terhadap kelulusan serta pengalaman tenaga pengajar serta pendedahan mereka terhadap pembangunan teknologi. Selain aspek-aspek ini LAN turut mempertekankan pengajaran matapelajaran wajib yang terdiri daripada Pengajian Malaysia, Bahasa Malaysia, Pengajian Moral dan Pengajian Islam sebagai langkah memenuhi aspirasi dasar sosial negara.

Seperti Ashworth dan Harvey, terdapat juga penulis lain seperti Yorke (1993), Hilborne (1996) dan Brophy (1996), yang membincangkan akan aspek peralatan dan kemudahan yang disediakan oleh kolej atau IPT yang turut berperanan penting dalam

proses penentuan kualiti (Quality Assurance). Peralatan dan kemudahan yang disediakan pula mestilah bersesuaian dengan kursus yang ditawarkan. Peralatan seperti komputer dan makmal semestinya dikemaskinikan setiap lima tahun sekali. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan peralatan seperti ini dianggap ketinggalan zaman (Ashworth dan Harvey).

Sebelum penubuhan LAN, tidak ada satu kriteria yang ditetapkan sebagai kelayakan masuk pelajar bagi program peringkat diploma mahupun ijazah. Kajian ini turut membandingkan kelayakan masuk sebelum dan selepas penggubalan Akta Lembaga Akreditasi Negara. Ada sesetengah IPTS yang hanya menetapkan pengalaman bekerja dalam bidang tertentu sebagai kriteria kelayakan mengikuti program diploma mahupun ijazah. Timbul persoalan sejauhmana kelayakan masuk yang pelbagai ini dapat menghasilkan tenaga kerja berkualiti yang diperlukan negara. *Resource-input model* pula memberikan keutamaan terhadap input yang berkualiti di sesebuah IPT atau kolej. Input seperti pengambilan pelajar berkualiti, tenaga pengajar berpengalaman, peralatan pendidikan yang bersesuaian dan sumber pembelajaran dan pengajaran yang mencukupi adalah antara input berkualiti yang utama bagi menawarkan perkhidmatan berkualiti dalam jangka masa yang singkat (Yin dan Wai, 1997). Sememangnya input yang berkualiti menentukan output yang berkualiti.

Selepas perang dunia kedua, permintaan untuk pengajian tinggi di Britain meningkat dengan pesat (Beresford & Hill, 1993; Frans & Don, 1994). Menjelang tahun 1992 sebahagian besar dari bekas politeknik di Britain diberikan taraf universiti. Tahun

1996 pula menyaksikan liberalisasi pendidikan tinggi di Malaysia, sebagai langkah untuk memenuhi permintaan tempatan serta bagi mengelakkan aliran keluar matawang. Liberalisasi ini bukan sahaja menyaksikan pertambahan IPTS yang begitu banyak tetapi juga mewujudkan persaingan bagi meguaasai pasaran. Ini turut mendorong IPTS mengekspot pendidikan tinggi ke luar negara. IPTS turut membawa masuk pelajar dari luar Negara terutamanya dari rantau Asia dan Timur Tengah ke Malaysia.

Seperti di Malaysia, sebahagian besar daripada universiti baru bergantung kepada yuran pelajar sebagai sumber pendapatan utama. Ini berbeza dengan universiti lama seperti University of Nottingham di mana sumber kewangan utamanya adalah dari hasil kajian dan kerjasama penyelidikan dengan syarikat multinasional. Ketidakupayaan universiti baru bersaing dengan universiti lama bagi mendapatkan pelajar menyebabkan mereka mengekspot program mereka ke luar negara. Bekas tanah jajahan dan negara yang banyak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan seperti Malaysia menjadi sasaran utama bagi universiti-universiti baru ini.

Britain sememangnya mempunyai aspirasi untuk menambahkan peluang pendidikan seperti Amerika, tetapi pada masa yang sama Britain tidak mahu kualiti pendidikannya diabaikan. Antara aspek kualiti yang dipertekankan oleh HMI termasuk mewujudkan cara-cara untuk menyelaraskan kualiti program di Institut Pengajaran Tinggi (IPT) supaya memenuhi aspirasi nasionalnya (Beresford dan Hill, 1993). Her Majesty's Inspectorate (HMI) di Britain juga memperlihatkan ketiadaan perwakilan dari IPT dalam badan tersebut. Kajian ini turut mencadangkan supaya ditubuhkan suatu agensi swasta

bagi menjalankan tugas akreditasi bagi memastikan kualiti dikekalkan. Seperti di Britain penubuhan LAN di Malaysia bertujuan mengawasi kualiti program di IPTS yang ditawarkan dengan pelbagai kaedah. Kajian ini mengkaji keberkesanan LAN dalam memastikan IPTS menawarkan program berkualiti sejak penubuhannya pada 1997.

Kerja kualiti oleh pakar-pakar kualiti Amerika, seperti Deming dan Juran pada asasnya bertumpu pada usaha meningkatkan kualiti peralatan tentera selepas perang dunia kedua. Namun demikian, dalam industri pengajian tinggi, definisi bagi kualiti dikatakan tidak begitu jelas (Green, 1994). Green mendedahkan kewujudan dua dasar yang berlainan dalam mendefinisikan kualiti di IPT. Satu pihak berpendapat bahawa kualiti pendidikan dapat diukur bagi menentukan kualitinya. Antara kriteria yang diukur termasuklah mutu pengajaran, pencapaian pelajar dan penglibatan penyelidikan. Pihak yang satu lagi pula berpendapat bahawa kualiti pendidikan adalah berdasarkan ‘fitness of purpose’ di mana ‘purpose’ tersebut ditentukan oleh pelajar atau penyelidik di IPT. Perbezaan pendapat ini membuka ruang kajian lanjut dalam aspek ‘fitness of purpose’ di IPT dan juga lebih banyak perbincangan dijalankan bagi menganalisa akan hubungan antara kualiti dan standard pendidikan (Robin Middehurst dan George Gordon, 1995).

Didapati bahawa, sistem pengajian tinggi di Britain mempunyai sistem kualiti external dan internal. BS5750 merupakan sistem kualiti external, manakala sistem kualiti internal terdiri daripada audit kualiti yang dijalankan oleh Higher Education Quality Council (HEQC) (Ashworth & Harvey, 1994).

Von Vught dan Westerheijden (1994), dalam artikel bertajuk, *Towards a General Model of Quality Assessment in Higher Education*, telah membincangkan beberapa model penilaian kualiti di IPT. Kajian kedua penulis ini turut menilai dan membandingkan pengalaman “quality assessment system” yang diamalkan di Amerika Syarikat, Kanada, Prancis, Netherland dan Britain. Perbincangan mereka turut merangkumi nilai dalaman dan luaran dalam pendidikan. Kualiti dalaman pendidikan berkaitan “search for truth dan the pursuit of knowledge”, manakala kualiti luaran pula berkaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IPT kepada masyarakat (Frans dan Dons, 1994: 356). Kedua penulis ini turut mendedahkan bahawa ketahanan IPT di Kanada dan Amerika adalah berdasarkan persaingan di kalangan mereka. Mekanisme pasaran menentukan koordinasi kualiti antara IPT di negara tersebut.

Maka, dalam menentukan kualiti, Frans dan Dons (1994) menyimpulkan IPT sepatutnya “self regulatory”. Kegagalan IPT berbuat demikian akan menyebabkan mereka kehilangan pasaran. Keadaan ini tidak wujud di kalangan IPTS Malaysia. Ini memandangkan pemilikan IPTS yang terdiri daripada syarikat tersenarai di bursa saham dan IPTS ini juga bergantung sepenuhnya pada yuran pelajar sebagai sumber kewangan utamanya. Maka badan pengawal kualiti seperti LAN sangat diperlukan bagi memastikan kualiti program. Kajian ini menganalisa, keberkesanan LAN dalam memastikan program berkualiti ditawarkan. Kajian ini turut mengkaji sejauhmana persaingan yang wujud kesan daripada liberalisasi pendidikan tinggi dapat membangunkan program berkualiti.

Yorke (1992) pula menyatakan bahawa pelajar adalah bahan mentah yang akan ditransformasikan oleh IPT menjadi tenaga mahir selepas proses pendidikan. Beliau juga berpendapat bahawa tanpa mengambilkira pengalaman pelajar dalam program akademik tertentu, kajian kualiti IPT tidak sempurna (Yorke, 1992: 92). Barnett (1991) turut setuju dengan Yorke, di mana beliau merumuskan bahawa pengalaman pembelajaran pelajar adalah lebih penting berbanding dengan proses pengajaran itu sendiri. Barnett juga berpendapat bahawa hanya apabila segala sumber-sumber pembelajaran di IPT berinteraksi dengan pelajar, maka barulah kita dapat membuat penilaian kualiti yang sewajarnya. Yorke (1992) juga mencirikan interaksi antara pelajar dan sumber kepada lapan aspek akademik yang mana setiap satunya mementingkan kualiti Lapan aspek tersebut terdiri daripada:

- i) Kandungan dan struktur akademik;
- ii) Pembangunan kualiti kakitangan;
- iii) Sumber pendidikan;
- iv) Kemudahan pembelajaran;
- v) Pengurusan program akademik;
- vi) Pengajaran dan pembelajaran;
- vii) Perkhidmatan sokongan pelajar; dan
- viii) Output pendidikan (Yorke, 1992: 93).

Dalam tulisannya, Yorke (1992) turut membincangkan tentang cara bagi mewujudkan serta mengamalkan suatu cara bagi memastikan ‘assurance of quality’ di peringkat sektor dan institusi. Selain itu, kajian Yorke (1992) turut menjelaskan tentang peranan yang harus dimainkan oleh badan-badan yang terlibat dengan kualiti seperti Council for National Academic Awards (CNAA), Committee of Vice Chancellors and Principals (CVCP), Academic Audit Unit, Business and Technical Educational Council

(BTEC), Scottish Vocational Education Council (SCOTVEC) dan badan-badan profesional lain yang berperanan penting dalam amalan kualiti di IPT.

Dalam artikelnya *Franchised Degree Teaching: What Can Education Learn From Business*, Adrian Palmer (1992) membuat perbandingan di antara proses franchise yang diamalkan oleh sektor swasta dan sektor pendidikan terutamanya IPT. Kajian Palmer turut menganalisa konsep franchise seperti yang diamalkan oleh syarikat swasta serta kemungkinan-kemungkinan konsep tersebut diadaptasi di IPT. Terminologi franchise bukannya suatu yang baru terutamanya di dalam dunia perniagaan. Franchise IPT merupakan suatu proses di mana sebuah kolej menawarkan sebahagian atau sepenuhnya kursus bagi pihak IPT di bawah pengawasan IPT tersebut. Palmer memberikan Lancashire Polytechnic sebagai contoh proses franchise di mana institut tersebut mempunyai ikatan dengan 9 buah kolej setempat. Dalam konteks perniagaan ‘franchising’ pada amnya merujuk pada suatu persetujuan antara ‘franchiser’ (iaitu pihak yang telah membangunkan perkhidmatan tertentu serta menyelia standard penyampaian) dan ‘franchisee’ yang diberi kelulusan bagi menawarkan perkhidmatan tersebut mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh Franchiser (Palmer, 1992).

International Franchise Association (IFA) pula mendefinisikan operasi ‘franchiser’ sebagai (Palmer, 1993: 79):

“A contractual relationship between the franchiser and franchisee in which the franchiser offers or obliged to maintain a continuing interest in the business of the franchisee in much areas as know-how and training; where in the franchisee operates under a common trade name, format or procedure owned by or controlled by the franchiser and in which the

franchiser has made or will make a substantial capital investment in his business from his own resources”.

Palmer (1993) juga berpendapat bahawa kerjasama di antara kolej dan IPT bukanlah ‘franchising’ tetapi lebih kepada kerjasama. Kerjasama di antara kolej dan universiti wujud apabila kolej tersebut membuat pengkhususan dalam bidang tertentu seperti kejuruteraan pertanian. Bagi membangunkan lagi bidang pengkhususan, kolej berkenaan akan membangunkan kursus tersebut bersama dengan universiti melalui kerjasama dari segi pembangunan, promosi, penyampaian (delivery) dan pengawalan (Palmer, 1993; Morris, 1993). Kajian ini menganalisa bentuk kerjasama franchise di antara IPTS Malaysia dan universiti luar negara. Berbeza dengan kerjasama franchise di Britain, faktor jarak dan kelainan entiti banyak mempengaruhi kerjasama franchise di antara IPTS Malaysia dan universiti di Britain.

Palmer (1993) dan Morris (1993) turut mengutarakan bahawa kawalan kualiti merupakan satu kewajipan ‘franchisor’ sebelum termeterainya sebarang perjanjian franchise. Morris (1993) menekankan supaya IPT juga harus membangunkan dan melaksanakan satu sistem kawalan kualiti informal. Sebagai langkah permulaan, franchiser atau IPT harus mendokumentasi piawaian yang harus dipenuhi atau dicapai sebelum proses pengesahan perjanjian franchise. Seperti yang dilakukan oleh LAN, kajian Palmer (1993) turut mementingkan satu lawatan awal ke kolej franchisee khusus untuk memastikan dan mengesahkan supaya piawaian kualiti yang digariskan oleh IPT dipenuhi. Sekiranya berlaku sebarang kekurangan, adalah menjadi tanggungjawab IPT supaya mencadangkan kepada kolej tersebut mengenai perubahan yang harus dilakukan.

Pada amnya, keperluan asas yang diperlukan dalam proses franchise termasuklah pembelian stok buku tertentu bagi perpustakaan, tenaga pengajar yang mencukupi dengan pengalaman serta kelayakan yang bersesuaian dan nisbah komputer bagi setiap pelajar (Palmer, 1993; Brophy, 1996 dan Ashworth & Harvey, 1994). Antara keperluan tambahan pula termasuklah makmal komputer, bilik perbincangan yang bersesuaian serta sunber pembelajaran tambahan (Brophy, 1996).

Laporan HMI menunjukkan bahawa kawalan kualiti mencapai kegagalan pada peringkat awal operasi franchise ini (Palmer, 1993). Berdasarkan laporan ini didapati bahawa sebahagian besar daripada kolej meneruskan penawaran kursusnya tanpa menepati piawaian asas. Antara contoh amalan kualiti yang dianggap terbaik yang dikenalpasti oleh HMI termasuk (Palmer, 1993: 82-83) :

- i) *A detailed statement of relationship between the polytechnic and its franchised colleges;*
- ii) *A Clear and unambiguous guidelines which the courses and subjects operate;*
- iii) *A committee structure linked to the Polytechnics academic monitoring structure and requiring participation by Franchise coordinates and subject leaders;*
- iv) *A validation system which requires liaison between college and polytechnic staff to discuss a proposal for a substantial period before start of the course; dan*
- v) *The production of annual reviews by the Franchise college for each course or subject, using a common framework agreed with the polytechnic.*

Morris (1993) dalam *The Business of Franchising*, membuat satu perbandingan di antara ‘commercial’ dan ‘academic franchising’ dengan mengkaji keberkesanannya di

Coventry University Business School. Morris (1993) turut membincangkan tentang keuntungan bersama yang akan diperolehi sekiranya ia diamalkan dengan sebaiknya. Dalam memperkatakan kualiti kursus franchise, Morris (1993 : 60) berpendapat,

“A course does not simply consist of a set of syllabuses but encompasses the approachability and availability of teaching staff and appropriate physical environment and quality assurances covering equal opportunities, relevance and currency of teaching material and a lots of other matters”.

Morris (1993) dalam artikelnya, turut mencungkil beberapa masalah yang bakal dihadapi oleh universiti atau ‘franchiser’. Wujud kemungkinan di mana ‘franchiser’ hilang kawalan terhadap kolej franchisee akibat faktor seperti lokasi dan kos. Kehilangan kawalan ini akan membawa kepada kemerosotan kualiti program franchise tersebut. Morris (1993) turut membidas sikap sesetengah ‘franchiser’ mahupun ‘franchisee’ yang semata-mata bergantung pada aduan dari pelajar sebagai petanda kualiti. Beliau turut mencadangkan aspek pembangunan kakitangan diutamakan dalam kerjasama antara franchise. Ini merupakan antara sebab utama yang menyebabkan sesetengah universiti lama kurang yakin dalam penawaran program secara franchise berkembar atau ‘advanced standing programme’. Universiti berkualiti tinggi seperti University of Nottingham, United Kingdom dan Monash University, Australia lebih selesa membuka kampus cawangan berbanding mengadakan kerjasama dengan IPTS Malaysia bagi menawarkan programnya.

Satu lagi sumbangan Yorke (1993) dalam *Quality Assurance for Higher Education Franchising* adalah perbincangan tentang masalah-masalah yang bakal timbul

yang boleh menjasaskan kualiti pengajian tinggi akibat kerjasama berbentuk franchise. Sebahagian besar daripada kajian Yorke (1993) adalah berasaskan laporan HMI dan juga berdasarkan pengalaman dan penglibatan beliau dalam proses franchise di John Moores University. Hasil penulisan Yorke bukan sahaja menambah khazanah koleksi berkaitan kerjasama franchise tetapi juga turut membangkitkan isu-isu penting terutamanya kelemahan kerjasama franchise.

Yorke (1993), dalam kajiannya menyatakan bahawa CNAA yang ditubuhkan pada 1992 bagi mengawal standard dan kualiti kolej dan IPT, melahirkan keimbangannya akan kualiti kursus pengajian yang akan dikendalikan secara franchise. Kebimbangan ini turut dipengaruhi oleh laporan HMI yang berfungsi sebagai penyelia bagi semua institute, politeknik dan kolej di United Kingdom. Antara beberapa kandungan laporan HMI yang berkaitan kualiti pendidikan adalah seperti berikut.

Pertamanya, walaupun proses pembelajaran dan pengajian di peringkat kolej (franchisee) mempunyai standard yang agak sama dengan IPT (franchiser), tetapi wujud juga kelemahan di mana kolej tersebut mempunyai pendedahan serta pengalaman yang kurang berbanding IPT. Keduanya, dari segi kemudahan perpustakaan pula, HMI melaporkan bahawa ianya tidak memadai walaupun beberapa langkah untuk memperbaiki keadaan ini telah diambil. Ketiga, sebahagian besar tenaga pengajar di institusi franchisee didapati tidak berupaya mengemaskinikan cara pengajaran mereka seperti yang terdapat di IPT. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan pengalaman kolej. Keempatnya, ketidakupayaan tenaga pengajar ini telah cuba diatasi oleh IPT melalui

program pembangunan kakitangan. Namun ianya tidak membawa hasil seperti yang diharapkan. Kelima, dari segi kemudahan penginapan, rekreasi dan kemudahan sosial yang lain pula didapati bahawa keadaan kolej franchisee jauh lebih rendah tarafnya berbanding IPT. Akhirnya mengikut laporan HMI, walaupun proses pensahihan, pengawasan dan pengkajian semula program dilakukan, namun masih wujud variasi dari segi hasil. Keadaan di United Kingdom ini menunjukkan persamaan dari segi cabaran yang dihadapi oleh LAN memandangkan semua IPTS dalam kajian ini terlibat dengan kerjasama franchise dengan universiti asing.

Di samping kelemahan ini, laporan HMI turut menyatakan akan beberapa kelebihan kolej franchise, iaitu kolej tersebut mempunyai kelas yang kecil yang membolehkan tenaga pengajar serta kakitangan kolej tersebut memenuhi keperluan berbeza pelajarnya serta memberikan perkhidmatan sokongan individu. Bagi memastikan amalan kualiti yang berterusan, HMI turut mencadangkan beberapa langkah yang wajar diambil sebelum suatu program franchise dikuatkuasakan:

“...to define clearly management responsibilities, to improve learning resources, to establish effective staff development programmes to provide adequate documentation for staff and students, to improve inter-institutional liaison and the ensure affective implementation of quality control system across the collaborating institutions” (Yorke, 1993: 172).

Semua perkara ini adalah penting bagi melakukan pengesahan bagi sesuatu kursus yang dijalankan secara franchise. Mengikut Yorke (1993), badan seperti CNAA kerap kali mengadakan lawatan dan pemeriksaan ke institusi franchisee bagi memastikan

supaya segala sumber yang diwajibkan bagi menjalankan sesuatu program itu telah disediakan oleh kolej tersebut.

"It is important that the validation event concentrate upon the proposal franchise operation as a whole: that is not only the capacity of the putative franchisee under scrutiny but also operational relationship between the franchiser and franchisee, since in that relationship inhere all the matter relating to quality and standard (Yorke, 1993: 173).

Woodraw (1993), dalam tulisannya, *Franchising: The Quiet Revolution*, juga menggariskan implikasi kualiti terhadap proses franchise pendidikan dan beberapa ciri 'commercial franchise' yang telah diadaptasikan oleh IPT. Dunia pendidikan tinggi membawa masuk pelbagai kaedah baru bagi membolehkan semua pihak menikmatinya. Antara kaedah yang penting termasuklah program berkembar 2+1, 1+2 dan 3+0. Ini berkaitrapat dengan istilah franchise pendidikan yang melibatkan pihak kolej dan institusi pengajian tinggi atau universiti. Konsep franchise merupakan suatu terminologi yang berkaitrapat dengan dunia perniagaan. Walaupun kajian franchise pendidikan masih kurang tetapi terdapat juga hasil penulisan oleh pengkaji seperti Woodraw (1993), Yorke (1993), Norris (1998), Palmer (1993), Brophy (1996) dan Bird (1996) yang memberikan beberapa kajian kes-kes dan pengelasan berkaitan franchise pengajian tinggi.

Mengikut Woodraw (1993), walaupun terdapat sebahagian Institusi Pengajian Tinggi yang terlibat dengan proses franchise pada 1980an, tetapi perkembangannya hanya berlaku menjelang tahun 1990an. Franchise pengajian tinggi didefinisikan sebagai:

“the delivery of the whole or parts of a course in an institution other than the center in which it is developed and validated” (Woodraw, 1993).

Menjelang tahun 1970an, franchise perniagaan dan kolej komuniti berkembang serentak dengan pesat di Amerika Syarikat. Jelas di sini bahawa pendidikan di Amerika sangat dipengaruhi oleh franchise perniagaan.

Pada umumnya, franchise pendidikan di Britain dipengaruhi oleh franchise perniagaan dan kolej komuniti yang digunakan di Amerika Syarikat. Ciri-ciri franchise pendidikan British yang dibawa dari franchise perniagaan adalah:

“The notion of handing on a proven system of expertise to another organization; the use of formal, fixed-term legal agreements, which included financial arrangements; the setting of standards by the franchisor, with rigorous attention to quality control; the importance of joint programmes of staff development.” (Woodraw, 1993: 208)

Ciri-ciri franchise pendidikan yang dibawa dari American Community College ialah:

“The inclusion of Higher Education work in college curriculum portfolios, with clear progression route to higher education institutions; a means of widening as well as expanding access to higher education; direct university/college/school corporation serving local needs; an emphasis on quality assurance, recognition of status and academic excellence; flexibility in curriculum design and delivery to meet the needs of non-traditional students.” (Woodraw, 1993: 210)

Woodraw (1993) turut menyatakan bahawa pendidikan secara franchise ini membuka peluang pendidikan informal yang lebih banyak. Kedudukan kebanyakan universiti di bandar-bandar besar menimbulkan kesulitan bagi golongan yang

menghadapi masalah kewangan dan bagi yang bekerja sepenuh masa. Namun demikian, Woodraw (1993) turut memberi amaran bahawa kemungkinan besar pengajian secara franchise akan menjadi cara mudah bagi pelajar-pelajar lemah memperolehi sijil.

Pendidikan di Britain yang membawa masuk kedua-dua ciri franchise ini jelas dalam laporan HMI. Laporan ini menekankan bahawa

“...quality control is the responsibility of the franchisor, the importance of detailed statements between the partner institutions with ‘clear and unambiguous, guidelines under which the course and the subject operate’, and the need for,‘a systematic and effective programme of staff development’. (Woodraw, 1993)

Tegasnya laporan HMI menegaskan perlunya pembangunan kakitangan bagi penghasilan produk yang berkualiti.

Menjelang tahun 1980an franchise pendidikan di Britain berkembang pesat. Menjelang 1991-92, 40% dari Institusi Pengajian Tinggi di England terlibat dalam franchise pendidikan. Pada tahun 1992-93 pula, angka ini meningkat menjadi 56%. Jumlah pelajar turut meningkat dari 10,000 pada jangka pertama (1990-92) kepada 34,919 pada jangkamasa kedua (1992-93). Program yang paling banyak yang dikendalikan secara franchise termasuklah Ijazah Tahun 1, Higher National Diploma (HND) Tahun 1 dan Kursus Asas (foundation programme).

Sejak 1980an wujud reformasi di Negara-negara barat dimana perubahan dasar pendidikan bagi memenuhi keperluan Negara dilakukan. IPT turut menyaksikan

penswastaan sector pendidikan. Lebih banyak elemen perniagaan diterapkan dalam IPT dari segi aspek pentadbiran dan kualiti. Universiti-universiti di United Kingdom (UK) pula digalakkan supaya menggunakan cabang penyelidikan sebagai suatu sumber pendapatan utama selain bergantung kepada yuran sepenuhnya (Goedegebuure, 1993). Kedaan ini sama seperti di Malaysia dengan langkah pengkorporatan IPTA. Ini bagi mengurangkan beban kewangan kerajaan disamping menggalakkan penglibatan sektor swasta serta bagi meningkatkan kecekapan pengurusan. Penswastaan dilakukan dengan kepercayaan ekonomi bahawa tanpa campurtangan kerajaan, membolehkan sesuatu organisasi dapat ditadbir dengan cekap tanpa pembaziran sumber (Brennan and Shah, 1993; Goedegebuure et al., 1993). Dengan langkah penswastaan Goedegebuure (1993) juga percaya bahawa IPT memberi maklumbalas yang lebih sesuai dan cepat pada permintaan pasaran.

Dalam usaha memenuhi permintaan bagi tenaga kerja teknik dan vokasional, UK telah menaikkan taraf bekas institute teknologi dan politeknik kepada universiti. Kerajaan UK juga turut menggalakkan kerjasama di antara sektor swasta dan IPT bagi membolehkan tenaga kerja yang bersesuaian dihasilkan. Kurikulum di universiti baru UK ini juga mengambil kira keperluan kepakaran di sektor perindustrian di Negara tersebut mahupun di luar Negara. Langkah ini turut diikuti oleh Negara bekas tanah jajahan British seperti Malaysia.

Kewangan merupakan aspek penting dalam menentukan kualiti program pengajian di IPTS. Di UK dan Malaysia sebahagian besar dari IPTS bergantung

sepenuhnya atau sebahagian besarnya pada yuran pengajian pelajar. Di UK keadaannya berbeza dengan Malaysia di mana kerajaan turut memberi sumbangan kewangan kepada IPTS dalam bentuk peruntukan bagi menjalankan penyelidikan. Sektor swasta yang terdiri daripada syarikat-syarikat multinasional turut memperuntukkan sejumlah wang bagi tujuan penyelidikan yang dipertanggungjawabkan kepada IPTS. Maka persaingan berlaku bukan sahaja untuk mendapat pelajar tetapi juga untuk memperolehi geran penyelidikan oleh pihak kerajaan dan swasta. Tahun 1992 yang memperlihatkan kemunculan universiti baru di UK, menyaksikan persaingan yang sengit untuk mengeksport pendidikan ke luar negara.

Hilborne (1996), dalam "Ensuring Quality in Further and Higher Education Partnership", menganalisa program kerjasama antara Higher Education Institution (HEI) dan Further Education Institution (FEI). Analisis beliau adalah berdasarkan tiga laporan Higher Education Quality Council (HEQC) dari tahun 1993 hingga 1995. Laporan HEQC ini pula adalah berdasarkan lawatan kakitangannya ke 11 buah universiti dan 14 buah kolej. Para pengkaji yang terlibat turut mengadakan perbincangan bersama Kementerian Pendidikan dan juga ahli lembaga akreditasi. Hilborne turut membangkitkan kepentingan aspek kualiti dimasukkan apabila perjanjian kerjasama antara HEI dan FEI ditandatangani. Beliau juga membincangkan, apakah sebenarnya amalan kualiti yang baik dalam kerjasama antara HEI dan FEI. Hilborne juga membuat sulu unjuran bagaimana *quality assurance* dalam pada kerjasama ini akan berkembang pada masa hadapan. Antara lain, kajian beliau juga membincangkan akan kerumitan

dalam memastikan amalan kualiti di HE, lebih-lebih lagi sekiranya institusi tersebut mempunyai ‘multiple partner’ dan ‘multiple courses’.

Hilborne (1996) juga berpendapat, saiz universiti dan kolej yang bekerjasama turut mempengaruhi amalan kualiti. Berkenaan komitmen kakitangan HEI dan FEI dalam mengamalkan kualiti mempunyai dua pandangan yang berbeza. Sesetengah FEI menganggap kakitangan HEI sebagai ‘peers’ atau rakan kongsi dalam pengamalan kualiti. Pandangan dan pengalaman mereka dikongsi antara satu sama lain. Manakala terdapat sesetengah HEI yang mengambil tanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan kualiti di mana tenaga pengajar dan kakitangan HEI hanya berperanan mengamalkan atau melaksanakan sebarang ideologi kualiti yang mencadangkan oleh HEI (Hilborne, 1996).

Beberapa amalan kualiti yang dianggap terbaik dalam kerjasama antara FEI dan HEI adalah seperti berikut (Hilborne, 1996: 66-67).

- i. Seboleh-bolehnya kedua-dua HEI dan FEI harus cuba mengadaptasi dan mengamalkan sistem atau amalan kualiti yang sedia wujud di HEI dan FEI.
- ii. Dokumentasi dan bimbingan kualiti yang jelas harus diwujudkan supaya dapat difahami dan digunakan oleh kakitangannya.
- iii. Wujud kelebihan dengan menjemput pemeriksa luar yang berpengalaman dalam bidang ini. Mereka juga harus berpengalaman dalam pembangunan kursus, kesahihan kursus, perlaksanaan serta pengawasan program.
- iv. Suatu sistem database harus diwujudkan supaya ianya dapat dimanfaatkan bagi pembangunan, perlaksanaan dan penilaian sesuatu kursus yang dijalankan.
- v. Publisiti dan taklimat akan kandungan yang sebenar kursus harus diberikan kepada pelajar ketika pendaftaran dan juga sepanjang perjalanan kursus.

- vi. Komunikasi yang lebih kerap dan berkesan perlu diwujudkan. Umpamanya laporan pemeriksa luar harus diedarkan kepada kumpulan tenaga pengajar yang terlibat.
- vii. Suatu mekanisme diwujudkan bagi memastikan pelajar adalah sebahagian sistem kualiti di institusi tersebut dimana maklumbalas mereka juga diambilkira.
- viii. Peluang pembangunan kakitangan HEI harus diwujudkan bagi membolehkan mereka memperoleh pengetahuan berkenaan skema pengajaran mereka.

Brophy (1996) dalam "The Learning Experience", dengan panjang lebar membincangkan akan masalah sumber pembelajaran dan pengajaran di IPT. Lazimnya, dalam perjanjian antara universiti dan kolej, peruntukan bagi sumber pembelajaran seperti perpustakaan, makmal, perkhidmatan komputer tidak dititikberatkan berbanding dengan penekanan yang diberikan pada cara penyampaian dan kandungan sesuatu kursus atau program. Lazimnya, isu berkenaan sumber di IPT dipertanggungjawabkan kepada ahli panel kesahihan kursus.

Goodall (1994) melaporkan bahawa dalam kebanyakan penilaian profesional pustakawan diketepikan atau tidak diambilkira langsung dalam Pemeteraian perjanjian atau kerjasama franchise. Kajian klasik Munn (1989) bertajuk "The Bottomless Pit", memberi gambaran akan pandangan pentadbir universiti mengenai sumber perpustakaan. Terdapat beberapa sebab utama bagi keadaan ini. Antara sebab penting termasuklah kos yang tinggi bagi melengkapkan dan mengemaskinikan perpustakaan dari masa ke semasa.

Brophy (1996) turut mengutamakan *non-traditional learning resources* seperti Compact Disk-Read Only Memory (CD-ROM) dan Joint Academic Network (JANET)

yang sedikit sebanyak dapat membantu mengatasi masalah kekurangan ruang untuk buku di kolej franchise. Goodall (1994) dalam *Franchised Courses: The University Library Perceptive*, telah membuat soalselidik di 40 buah HEI bagi mengkaji penglibatan pustakawan dalam proses franchise antara HEI dan FEI. Hasil kajian Goodall (1994) mendapati tidak banyak perubahan yang dibuat mengenai peruntukan perpustakaan ketika dan selepas perjanjian franchise. Didapati bahawa perpustakan di FEI lebih banyak memberikan ‘student experience’ berbanding perpustakaan HEI (Goodall, 1994: 5).